

Zurich Life Insurance Malaysia Berhad
SEMAKAN CAJ INSURANS UNTUK FLEX MEDICAL
Soalan Lazim

SEMAKAN CAJ INSURANS		
NO	SOALAN	JAWAPAN
1	Mengapakah anda menyemak semula caj insurans saya?	<p>Seperti yang anda sedia maklum, kos perubatan dan penjagaan kesihatan di Malaysia telah meningkat secara konsisten sejak kebelakangan ini - terutamanya didorong oleh inflasi perubatan dan kekerapan orang yang mencari rawatan perubatan. Kadar inflasi perubatan, yang merupakan peningkatan kos perubatan, berada dalam lingkungan 10% hingga 15% setiap tahun¹.</p> <p>Di Zurich, kami komited untuk memastikan anda bukan sahaja dilindungi tetapi mempunyai akses kepada perkhidmatan dan rawatan perubatan apabila anda memerlukannya. Inilah sebabnya mengapa kami menjalankan kajian terhadap pelan perubatan kami menentang kos penjagaan kesihatan secara berkala. Semakan adalah perlu bukan sahaja untuk bersaing dengan peningkatan kos penjagaan kesihatan dan peningkatan tuntutan manfaat perubatan, tetapi yang lebih penting, ia membantu untuk memastikan bahawa tiada gangguan ke atas perlindungan perubatan anda.</p> <p>1 Sumber: <i>Planning for healthcare costs in retirement, The Star</i></p>
2	Bagaimanakah anda menentukan kuantum untuk semakan caj insurans saya?	<p>Peningkatan kos perubatan adalah kerana beberapa sebab, ia termasuk kenaikan yuran doktor atau caj makmal, dan juga penemuan rawatan perubatan dan ubat-ubat preskripsi baru.</p> <p>Dengan kenaikan kos penjagaan kesihatan dan peningkatan tuntutan manfaat perubatan, jumlah tuntutan yang kami bayar kepada pelanggan-pelanggan kami juga meningkat. Untuk membuat keputusan mengenai kuantum semakan caj insurans, kami menilai kemampuan portfolio perubatan kami dengan membandingkan jumlah caj insurans dikumpulkan daripada semua pelanggan dengan jumlah tuntutan yang dibayarkan kepada kumpulan yang sama.</p>
3	Mengapakah terdapat semakan kepada caj insurans saya apabila saya tidak pernah membuat sebarang tuntutan?	Insurans perubatan beroperasi berdasarkan perkongsian risiko di mana caj insurans yang dikumpulkan adalah digunakan untuk membayar tuntutan-tuntutan. Akibatnya, semua polisi-polisi akan terjejas tidak kira sama ada anda pernah membuat sebarang tuntutan sebelum ini.
4	Bilakah semakan caj insurans akan dilaksanakan?	Caj insurans baru akan berkuat kuasa pada tarikh ulang tahun polisi seterusnya, pada atau selepas 11 Februari 2019.
5	Adakah saya perlu membayar jumlah premium yang berbeza selepas semakan?	Tidak akan ada perubahan kepada premium polisi anda kerana hanya caj insurans untuk liputan perubatan anda disemak semula. Dengan semakan ini, bagaimanapun, nilai dana polisi insurans berkaitan pelaburan anda mungkin tidak mencukupi untuk membayar caj insurans anda pada tahun-tahun kemudian. Oleh itu, kami ingin menggalakkan anda untuk mempertimbang untuk meningkatkan premium anda supaya polisi anda mempunyai nilai dana yang mencukupi untuk menampung caj insurans anda dalam jangka panjang.
6	Apakah perbezaan premium dengan caj insurans?	<u>Premium</u> Premium merupakan jumlah yang anda bayar kepada Zurich untuk liputan insurans anda. Untuk polisi insurans berkaitan pelaburan, sebahagian atau kesemua premium yang dibayar adalah digunakan untuk membeli unit-unit dalam dana pelaburan yang terpilih, manakala baki daripada jumlah tersebut adalah digunakan untuk membayar caj pendahuluan untuk perbelanjaan insurans dan kos pengedaran langsung. <u>Caj Insurans</u> Caj insurans akan ditolak setiap bulan daripada nilai dana polisi berkaitan pelaburan untuk membayar liputan insurans anda. Biasanya, caj insurans akan meningkat seiring dengan umur anda.

7	Bagaimanakah saya boleh tingkatkan premium saya?	Anda boleh memilih untuk meningkatkan jumlah premium yang perlu dibayar secara tetap untuk meningkatkan nilai dana polisi berkaitan pelaburan anda. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Perancang Kewangan anda atau hubungi talian Khidmat Pelanggan kami di 1-300-888-622.
8	Adakah terdapat semakan lain pada masa yang akan datang?	Kami membuat semak semula pelan perubatan kami terhadap kos penjagaan perubatan secara tetap untuk memastikan yang portfolio perubatan kami dapat mengekalkan jumlah tuntutan-tuntutan yang dibayar. Sekiranya terdapat semakan lain pada masa yang akan datang, kami akan memaklumkan anda dengan sewajarnya.
9	Bolehkah saya menukar pelan perubatan semasa saya ke pelan perubatan yang lain?	<p>Ya. Kami mempunyai pelbagai penyelesaian insurans direka untuk memenuhi keperluan anda di mana-mana peringkat hidup anda. Untuk melihat pelan-pelan berkaitan pelaburan kami, sila layari laman web kami di www.zurich.com.my. Pelan-pelan perubatan yang kami miliki adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> 1) Max Medic 2) Zurich FlexMed 2 3) Zurich FlexMed 2 PLUS 4) Zurich MegaMed <p>Jika anda bimbang mengenai kemampuan, anda boleh memilih untuk menurun taraf pelan semasa anda ke pelan tahap yang lebih rendah, dengan syarat pelan semasa anda bukanlah pelan tahap yang terendah. Walau bagaimanapun, anda harus memastikan bahawa anda memilih pelan yang boleh memenuhi keperluan perlindungan anda. Sebelum anda memutuskan untuk menukar pelan perubatan anda, kami mencadangkan untuk anda berhubung dengan Perancang Kewangan anda supaya mereka boleh menyemak liputan pelan perlindungan semasa anda dan menasihati anda mengenai pelan-pelan terbaik yang boleh memenuhi keperluan perlindungan anda. Walau bagaimanapun, dimaklumkan bahawa anda mungkin tertakluk kepada pengunderitan dan sebarang terma dan syarat yang dikenakan semasa perubahan.</p>

TAWARAN MEMPERTINGKATKAN PELAN PERUBATAN

NO	SOALAN	JAWAPAN						
10	Mengapakah saya ditawarkan pilihan untuk mempertingkatkan pelan daripada Flex Medical ke FlexMed 2 Plus?	Pilihan untuk mempertingkatkan pelan daripada Flex Medical ke FlexMed 2 Plus adalah ditawarkan secara eksklusif kepada pelanggan-pelanggan Flex Medical yang terpilih di samping mempunyai rekod tuntutan yang baik, dan itu termasuk anda. Ini merupakan tawaran ‘penerimaan dijamin’ – di mana anda tidak perlu menjawab sebarang soal selidik perubatan ataupun menjalani mana-mana pemeriksaan kesihatan sebelum menukar pelan. Anda diberikan pilihan untuk sama ada mempertingkatkan pelan kepada FlexMed 2 Plus yang mempunyai manfaat yang lebih baik, ataupun mengekalkan liputan perubatan semasa anda di bawah Flex Medical.						
11	Adakah FlexMed 2 Plus lebih baik daripada Flex Medical?	<p>Di Zurich, kami sentiasa mencari peluang untuk berinovasi dan memperbaiki produk-produk kami untuk memenuhi keperluan pelanggan kami yang semakin berkembang. FlexMed 2 Plus merupakan pelan perubatan terbaru kami yang menawarkan perlindungan komprehensif untuk keperluan penjagaan kesihatan anda.</p> <p>Di bawah adalah manfaat-manfaat FlexMed 2 Plus berbanding dengan Flex Medical:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Ciri-Ciri</th> <th>Zurich FlexMed 2 Plus</th> <th>Flex Medical</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Had Tahunan Kesuluruhan</td> <td>Tambahan peningkatan sebanyak 10% setiap 5 tahun sehingga 50% daripada Had Tahunan Kesuluruhan Terdahulu. Contoh: RM225,000 Had Tahunan Kesuluruhan Terdahulu yang terdahulu berpotensi untuk tumbuh sehingga RM337,500.</td> <td>Tiada peningkatan tambahan</td> </tr> </tbody> </table>	Ciri-Ciri	Zurich FlexMed 2 Plus	Flex Medical	Had Tahunan Kesuluruhan	Tambahan peningkatan sebanyak 10% setiap 5 tahun sehingga 50% daripada Had Tahunan Kesuluruhan Terdahulu. Contoh: RM225,000 Had Tahunan Kesuluruhan Terdahulu yang terdahulu berpotensi untuk tumbuh sehingga RM337,500.	Tiada peningkatan tambahan
Ciri-Ciri	Zurich FlexMed 2 Plus	Flex Medical						
Had Tahunan Kesuluruhan	Tambahan peningkatan sebanyak 10% setiap 5 tahun sehingga 50% daripada Had Tahunan Kesuluruhan Terdahulu. Contoh: RM225,000 Had Tahunan Kesuluruhan Terdahulu yang terdahulu berpotensi untuk tumbuh sehingga RM337,500.	Tiada peningkatan tambahan						

		<table border="1"> <tr> <td>Bilangan hari untuk:</td><td>Tiada had</td><td>Maksimum 200 hari setiap tahun</td></tr> <tr> <td>- Bilik hospital & makan harian</td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>- Lawatan Pakar Perubatan dalam hospital</td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>- Elaun tunai harian di hospital kerajaan</td><td></td><td></td></tr> <tr> <td>Manfaat Kematian Akibat Kemalangan</td><td>Sehingga RM40,000</td><td>Tidak ditawarkan</td></tr> <tr> <td>Manfaat Penyakit Berjangkit</td><td>4 Penyakit Berjangkit (sehingga RM10,000 untuk setiap penyakit berjangkit): Taun, Batuk Kering, Influenza A, Malaria</td><td>Tidak ditawarkan</td></tr> </table> <p>Untuk maklumat lanjut atau ingin memuat turun salinan risalah FlexMed 2 Plus, sila kunjungi www.zurich.com.my/flexmed2plus.</p>	Bilangan hari untuk:	Tiada had	Maksimum 200 hari setiap tahun	- Bilik hospital & makan harian			- Lawatan Pakar Perubatan dalam hospital			- Elaun tunai harian di hospital kerajaan			Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	Sehingga RM40,000	Tidak ditawarkan	Manfaat Penyakit Berjangkit	4 Penyakit Berjangkit (sehingga RM10,000 untuk setiap penyakit berjangkit): Taun, Batuk Kering, Influenza A, Malaria	Tidak ditawarkan	
Bilangan hari untuk:	Tiada had	Maksimum 200 hari setiap tahun																			
- Bilik hospital & makan harian																					
- Lawatan Pakar Perubatan dalam hospital																					
- Elaun tunai harian di hospital kerajaan																					
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	Sehingga RM40,000	Tidak ditawarkan																			
Manfaat Penyakit Berjangkit	4 Penyakit Berjangkit (sehingga RM10,000 untuk setiap penyakit berjangkit): Taun, Batuk Kering, Influenza A, Malaria	Tidak ditawarkan																			
12	Bolehkah saya mempertingkatkan pelan ke yang lebih tinggi untuk FlexMed 2 Plus berbanding dengan pelan semasa Flex Medical saya?	Pilihan untuk mempertingkatkan pelan dari Flex Medical ke FlexMed 2 Plus hanya boleh digunakan untuk pelan-pelan dari tahap yang sama sahaja. Sebagai contoh, jika anda ingin mempertingkatkan pelan 2 Flex Medical semasa ke pelan 3 FlexMed Plus 2, anda akan dikenakan pengunderitan perubatan kami yang biasa, yang mungkin termasuk pemeriksaan perubatan. Kelulusan adalah tidak terjamin.																			
13	Berapa lamakah tawaran ini akan berlangsung?	Tawaran Mempertingkatkan Pelan Perubatan ini sah sehingga 11 April 2019.																			
14	Bagaimanakah cara untuk saya mengambil tawaran ini?	<p>Di bawah adalah langkah-langkah untuk mempertingkatkan pelan Flex Medical anda ke pelan FlexMed 2 Plus:</p> <ol style="list-style-type: none"> Lengkapkan "Borang Pemohonan Mempertingkatkan Pelan" yang dilampirkan Hantar borang tersebut kepada "Jabatan Perkhidmatan Hayat & Takaful Keluarga" di Ibu Pejabat kami di Kuala Lumpur semasa tempoh tawaran. Secara alternatif, anda boleh menyerahkan borang tersebut kepada Perancang Kewangan anda atau lawati cawangan Zurich Life Insurance yang terdekat untuk sebarang bantuan. <p>Sila dimaklumkan bahawa borang yang lengkap harus sampai kepada kami selewat-lewatnya 11 April 2019.</p>																			
15	Jika saya menerima tawaran ini, bilakah perlindungan perubatan terbaru saya dikuatkuasakan?	<p>Tarikh kuatkuasa liputan perubatan terbaru anda akan bermula pada tarikh akhir caj insurans bulan seterusnya, selepas kami telah memproses permohonan anda. Secara umumnya, ia mengambil kira-kira 7 hari pekerjaan untuk memproses permohonan anda selepas kami menerima "Borang Permohonan Mempertingkatkan Pelan".</p> <p><u>Contoh 1</u> Tarikh akhir caj insurans bulanan – 20 September 2018 Penerimaan Borang Pemohonan Mempertingkatkan Pelan – 6 September 2018 Liputan perubatan baru berkuatkuasa pada – 20 September 2018</p> <p><u>Contoh 2</u> Tarikh akhir caj insurans bulanan – 20 September 2018 Penerimaan Borang Pemohonan Mempertingkatkan Pelan – 17 September 2018 Liputan perubatan baru berkuat kuasa pada – 20 Oktober 2018</p> <p>Nota: Jumlah caj insurans baharu mungkin akan berbeza bergantung kepada umur anda.</p>																			